

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI**  
**KAWASAN : IGAN**  
**TARIKH : 14 JULAI 2020 (SELASA)**

**SOALAN NO. 33**

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengenai berapa ramai yang terjejas dan hilang pekerjaan akibat penamatan perjanjian Rakan Pelaksana Projek (PDP) Pan Borneo Sarawak. Apakah jaminan dan usaha Kerajaan untuk membantu mereka yang hilang pekerjaan ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak melibatkan kerja-kerja menaiktaraf jalan sedia ada kepada 4 lorong 2 hala (*dual carriageway*) yang dibahagikan kepada dua (2) fasa sepanjang 1,064 km dari Telok Melano hingga ke Lawas.

Berikut daripada penamatan Syarikat Lebuhraya Borneo Utara Sdn. Bhd. selaku Rakan Pelaksana Projek (Project Delivery Partner - PDP) pada 20 Februari 2020, Kementerian Kerja Raya dengan kerjasama JKR Sarawak telah mengambil alih pelaksanaan Fasa 1 Projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak secara konvensional. Penamatan Syarikat Lebuhraya Borneo Utara Sdn. Bhd. telah melibatkan hampir 500 kakitangan syarikat tersebut dalam pelbagai bidang turut diberhentikan kontrak perkhidmatan mereka.

Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek, penambahbaikan berterusan sedang dilaksanakan khususnya peningkatan kapasiti dan kepakaran teknikal sedia ada. Usaha-usaha penambahbaikan ini akan turut mengambil kira model pelaksanaan alternatif yang akan memanfaatkan tenaga kerja yang berpengalaman di dalam pelaksanaan Fasa 1 Projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak sebelum ini.

Sekian, terima kasih.